



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN	
TARIKH	:	7/12/2019	MUKA SURAT : 35
JABATAN	:	JPS	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Banjir makin pulih

Lebih ramai mangsa dibenarkan pulang ke rumah bermula semalam

NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Banjir gelombang ketiga di Terengganu yang bermula sejak 1 Disember lalu dijangka pulih sepenuhnya walaupun masih terdapat sejumlah mangsa banjir yang masih berbaki di empat pusat pemindahan sementara (PPS) di daerah Kuala Nerus. Ketua Sekretariat Jawatan-



Sebuah kediaman yang dinaiki air di Kampung Pengkalan Ajal, Hulu Terengganu baru-baru ini.

kuasa Pengurusan Bencana Terengganu, Letenan Kolonel (PA) Che Adam A Rahman berkata, jangkakan itu berdasarkan perubahan keadaan cuaca dan lebih ramai mangsa banjir

yang dibenarkan pulang ke rumah bermula kelmarin. Menurutnya, bagaimana pun pemantauan terhadap keadaan semasa cuaca akan terus dijalankan berdasarkan

maklumat yang disalurkan Jabatan Meteorologi Malaysia.

"Untuk jangkakan fasa atau gelombang seterusnya kita sentiasa memantau dan mendapat rujukan utama perkembangan cuaca daripada Jabatan Meteorologi Malaysia.

"Buat masa ini, Jabatan Meteorologi Malaysia masih menganalisis dan sentiasa mengemaskini keadaan cuaca Monsun Timur Laut.

"Berdasarkan maklumat awal, dijangka kemungkinan minggu depan antara 8 hingga 10 Disember depan berlaku sedikit hujan lebat. Bagaimana pun, kita akan lihat dahulu komposisi hujan yang dibawa oleh angin ataupun awan berkenaan signifikan untuk berlakunya banjir," katanya ketika dihubungi Sinar Harian di sini semalam.

INFO BANJIR

TERENGGANU
Jumlah mangsa: 69 orang
Jumlah keluarga: 17 keluarga
PPS: 2 lokasi

*Setakat jam 6 petang semalam